

MUZAKARAH WAKAF PENDIDIKAN

Yayasan Takmir Pendidikan telah berjaya menganjurkan Muzakarah Wakaf Pendidikan-Governans, Model dan Cabaran pada 8 Ogos 2020 di Bangi Convention Centre (BCC), Bangi, Selangor yang mengumpulkan pakar-pakar wakaf dan pengurusan. Kehadiran peserta seramai 110 orang yang terdiri daripada pimpinan WAP, ALP, YTP, LPS Sekolah, YTP Negeri, pimpinan sekolah dan agensi luar. Objektif Muzakarah ini adalah untuk:

- Memahami ilmu wakaf dalam Islam dan peranannya dalam pembangunan sosio ekonomi ummah
- Mendalami governans, model, amalan dan cabaran dalam pelaksanaan wakaf Pendidikan di Malaysia
- Menguukuhkan program wakaf Pendidikan untuk pembangunan institusi Pendidikan ABIM secara menyeluruh
- Merangka pembukaan pusat wakaf Pendidikan ABIM

Majlis ini dirasmikan oleh Prof. Dato' Dr. Redzuan Othman, Pengerusi Majlis Syura Kebangsaan (MSK). Para penel pembentang ialah Prof. Dato' Dr. Noor Inayah Yaacob (Rektor, Kolej Profesional Baitulmal MAIWP) membentangkan tentang Governans, Model Wakaf Pendidikan Islam. Prof. Dr. Asraf b. Mohd. Hashim (CEO Isra Consultancy) membentangkan tajuk "Perkembangan Pembangunan Wakaf Sebagai Instrumen Kecemerlangan Sosio Ekonomi Ummah Hari Ini", "Model Pendidikan Wakaf WAZAN, UPM" oleh Dr. Hj. Razali b. Othman (Pengerusi WAZAN, UPM) manakala "Model Wakaf Korporat dan Pendidikan DPIM" oleh Tn. Hj. Mohd. Sahar Mohd. Din (Presiden, Dewan Perniagaan Islam Malaysia-DPIM). Muzakarah ini dipengerusikan oleh Datuk Dr. Amin b. Senin (Ketua Kluster Pendidikan Awal, Nadwah Ilmuan). Tn. Hj. Mohd. Musleh b. Yunus (Ketua Pengarah, YTP) telah membacakan Resolusi manakala Prof. Dato' Dr. Siddiq Fadzil dan Sdr. Mohd. Faisal Abd Aziz (Presiden ABIM) memberi rumusan dan Penutupan.

Lanjutan daripada Muzakarah Wakaf tersebut satu JK Teknikal telah dibentuk yang dinamakan Badan Pengurusan Wakaf ABIM (DPWA) dan Datuk Dr. Amin Senin dilantik sebagai Pengerusi, Dr. Abd. Razak Idris sebagai Timb. Pengerusi dan Tn. Hj. Mohd. Musleh sebagai Setiausaha. Untuk mendapat input-input yang lebih menyeluruh maka lawatan rasmi telah



diadakan ke WAZAN, UPM untuk melihat sendiri pengoperasian Wakaf, Zakat dan Endowmen. Manakala perbincangan Kumpulan Pakar telah diadakan pada 25 Ogos 2020 di IDE, Shah Alam, yang mengumpulkan 45 orang di antaranya senior ABIM dan WADAH dalam bidang Wakaf seperti Dr. Halim Muhammady, Dato' Mokhtar Syafie, Ust. Mokhtar Ramli, Dato' Hadzir Mat Zin, Dr. Zaki Latif, Dr. Saadiah Mohamad, Dr. Asma' Abd. Halim, Hj. Abd Khudus Mohd Naim, Dr. Abd Razak Idris, Sdr. Radin Imanuddin, Tn. Hj. Mohd Musleh dan semua pengarah YTP. Persidangan Meja Bulat tersebut dipengerusikan oleh Datuk Dr. Amin Senin. JK Operasi BPWA mengikut kumpulan kerja Wakaf telah dibahagikan kepada lima (5) bahagian iaitu Kertas Dasar & Operasi, Wakaf Tunai, Platform Wakaf, Mutawalli dan Inventory yang mempunyai JK masing-masing. Siri-siri perbincangan selanjutnya telah diadakan mengikut kumpulan iaitu Kump. Kerja Platform Wakaf telah diadakan pada 30 Ogos 2020 di YTP dipengerusikan oleh Sdr. Radin Imanuddin dan Kump Kerja Mutawalli pada 4 Sept. 2020 dipengerusikan oleh Hj. Mohd. Sahar b. Mat Din di BCC, Bangi, Selangor.

Laporan : Hjh. Nur Jannah Keman

Wakaf merupakan sebahagian daripada ibadah sedekah yang amat dituntut oleh Islam dan telah memainkan peranannya sebagai sumber pembiayaan utama dalam pembangunan sosioekonomi umat dan perkembangan tamadun Islam. Perkataan wakaf secara umum adalah bermaksud sesuatu yang didermakan untuk kegunaan orang ramai atau bagi keperluan yang berkaitan dengan agama Islam. Dalam tamadun Islam, amalan wakaf telah lama dilaksanakan lebih 1400 tahun lalu di mana masyarakat Islam telah mengamalkan pemberian sumbangan harta untuk tujuan kebajikan. Di Malaysia amalan wakaf juga telah lama dilaksanakan iaitu dengan

membina masjid, pondok, tanah perkuburan, pusat tahfiz, institusi pendidikan dan sebagainya. Wakaf mempunyai dua pendekatan ekonomi yang dapat meningkatkan lagi nilai pelaburan jangka panjang. Pertama, kemampuan harta melalui pelaburan dan kedua ialah cara menggunakan harta tersebut daripada hasil yang diperolehi. Kedua-dua sifat harta tersebut telah membuktikan bahawa amalan berwakaf bukan sahaja merupakan ibadah yang dijanjikan oleh Allah SWT dengan pahala yang besar, tetapi pada masa yang sama, wakaf juga telah memainkan peranan sebagai sebuah mekanisme pelaburan bagi menghasilkan sumber pembiayaan dalam jangka panjang dan faedah daripada harta tersebut dapat dinikmati oleh masyarakat umum terutama golongan yang memerlukan bantuan untuk memenuhi keperluan kehidupan mereka.

Dalam memajukan bidang pendidikan, wakaf adalah salah satu instrumen terbaik dalam membiayai pembangunan dan operasi sesebuah institusi pendidikan. Pelaksanaan wakaf di institusi pendidikan telah melakar sejarah penting yang panjang dan sangat gemilang di seluruh dunia termasuk di negara kita. Bermula dengan kelas-kelas pengajian di masjid, surau, madrasah, pondok, sehinggalah ke peringkat institusi pengajian tinggi. Ketika ini terdapat 14 buah universiti awam dan universiti swasta Malaysia telah menubuhkan wakaf masing-masing. Kefahaman mengenai amalan berwakaf ini perlu disebarluaskan dengan memberi kesedaran kepada masyarakat untuk berwakaf dengan apa sahaja yang dibolehkan oleh syarak. Oleh itu usaha-usaha promosi hendaklah digiatkan melalui pelbagai cara sama ada melalui cara fizikal mahu pun melalui media elektronik dan sebagainya. Badan atau institusi wakaf juga perlu diperbanyakkan bagi memudahkan masyarakat menyalurkan sumbangan. Begitu juga program atau projek-projek wakaf juga perlu diperbanyakkan supaya penerima manfaat wakaf tidak terhad kepada satu-satu golongan tertentu sahaja, malahan diperluaskan sehingga ia boleh menjadi penggerak sosioekonomi negara ini.

Hj. Samian Mohd Ali

Amanat Dato' Dr. Siddiq Fadhil Dalam Muzakarah Wakaf

Yayasan Takmir Pendidikan ABIM dengan kerjasama WAP telah melaksanakan Muzakarah Wakaf Pendidikan bertempat di Bangi Covensyen Center. Dalam muzakarah tersebut ditampilkan catatan daripada Amanat Dato' Dr Siddiq Fadzil untuk penelitian warga pendidik ABIM.

1. Dalam sejarah perjuangan ABIM "*Education is our deeper conviction*". Pendidikan adalah keyakinan terdalam bagi rangka melakukan islah. Kalau kita semak sejarah gerakan awal, akan kita temui ABIM bermula dengan Gerakan Kependidikan Yayasan Anda Akademik (YAA), Yayasan Sofa dan lainnya. Anwar Ibrahim tampil ke kancah ABIM bermula dengan YAA untuk dijadikan asas.
2. Sistem pendidikan alternatif tajaan ABIM pada awal operasinya boleh menyempurnakan yang conventional. Walaupun masih melaksanakan keperluan pendidikan konvensional tetapi ditambah nilai dengan memasukkan subjek "Prinsip-prinsip Islam" yang di dalamnya membicarakan soal tasawur Islami, cara hidup Islam dan cabang-cabang kehidupan.
3. Barangkali tuntutan zaman ini sudah berubah. Pendidikan alternatif mestilah berasaskan Islam di samping menampung pendidikan konvensional yang kita sedang usahakan hari ini hasilnya Alhamdulillah, walaupun tidak membanggakan, setidaknya tidaklah memalukan.
4. Persekolahan yang dilaksanakan sebenarnya adalah jelmaan daripada komitmen umat dalam melaksanakan amal maaruf wan nahi mungkar. Jelmaan dalam bentuk gedung atau institusi pendidikan, suatu jelmaan dari kekuatan masyarakat madani.
5. Usaha membangun institusi pendidikan ini sebenarnya sudah berlaku sejak awal Islam di zaman penjajah. Pada 1947 berlangsung persidangan di Gunung Semanggol, Perak dianjurkan oleh Lembaga Pendidikan Rakyat (LEPIR). Persidangan yang diketuai oleh Ustaz Abu Bakar Bakir (Hisbul muslimin- HAMIM) mengusulkan pembinaan sebuah universiti Rakyat yang didanai dari sumber wakaf. Penubuhan universiti Rakyat ini dicadangkan diketuai oleh Dr Borhanuddin al-Helmi ... sayangnya tidak ada maklumat tentangnya selepas persidangan malah dokumen penubuhan tidak dapat dikesan.
6. Resolusi ini mencerminkan semangat dan komitmen kerakyatan untuk mendirikan institusi pengajian tinggi. Mungkin sahaja sumber dananya dari wakaf. Pada awal abad 20 ini semangat wakaf dalam kalangan umat Melayu masih subur cuma konsep wakaf ketika itu masih terbatas kepada wakaf tanah.
7. Wakaf dalam konteks masyarakat agraria (pertanian) hanya terbatas kepada mewakafkan tanah, tetapi dalam zaman teknologi ini seharusnya sudah dipelbagaikan bentuk wakaf. Boleh dalam bentuk wakaf tunai atau wakaf saham. Rakan yang banyak duit perlu disediakan saluran untuk berinfaq, berzakat atau berwakaf.
8. Infaq mesti diangkat dalam salah satu perkara besar dalam tarbiyah. Barangkali ada kesilapan pada penekanan pendiri senior dalam merangka

(bersambung ke mukasurat 3)

(sambungan dari mukasurat 2)

sukatan tarbiyah dan tidak memasukkan tanggungjawab infaq dan wakaf selain usrah dan tamrin. Kesilapan lalu perlu dikoreksi oleh generasi penerus pada hari ini.

9. Antara ciri masyarakat madani adalah masyarakat yang memiliki kekuatan sebagai alternative kepada institusi kerajaan. Namun dalam konteks Malaysia kerajaan jadi terlalu kuat sedangkan rakyat terlalu lemah malah dilemahkan. Dulu ada sekolah rakyat tetapi sudah diambil alih kerajaan menjadi sekolah agama bantuan kerajaan (SABK). Hilang pemilikan rakyat di situ dan keadaan seperti itu tidak baik untuk sebuah tamadun.

10. Pada masa lalu sekolah selalunya dikaitkan dengan masjid seperti al-Azhar di Mesir. Masjid adalah institusi rakyat yang dibiayai oleh rakyat, seandainya masjid kaya sekolah akan turut merasa limpahan kekayaan masjid. Orang ramai yang masih bersikap infak di masjid lebih merasai ibadah berbanding infaq ke sekolah. Namun apa yang berlaku pada hari ini masjid pun sudah dibangunkan oleh Majlis Agama Islam negeri. Masjid cantik dan besar tetapi jemaahnya kurang memberi komitmen selain infak mingguan melalui tabung masjid.

11. Dalam persekolahan zaman silam ada nilai sakeral (kudus) dan bagaimana kita boleh mengembalikan nilai kudus tersebut pada zaman ini dengan memperbanyakkan komitmen infaq dan wakaf kepada pendidikan.



12. Wakaf dalam konteks ABIM lebih kepada orang luar mewakafkan harta (tanah) kepada ABIM tetapi ABIM belum bergerakkan mewujudkan sistem wakaf yang boleh mendokong kelangsungan pendidikan ABIM sendiri.

13. Buku-buku Prof Mohd Yunus banyak menyentuh soal infaq dan wakaf dalam kalangan orang miskin. Beliau sadar bahawa orang miskin tidak memiliki banyak wang tetapi jumlah mereka ramai. Yang sedikit dihimpunkan secara kolektif daripada yang ramai akhirnya berjaya membangunkan Grameen Bank sehingga beliau menerima anugerah atas usahanya. Beliau menjadi "Pahlawan ekonomi orang miskin".

14. Kita yang dari kelas menengah sebenarnya boleh digembleng usaha untuk menghasilkan sesuatu yang bermakna. Masalah yang perlu difikirkan adalah

bagaimana memugar roh infaq yang boleh mendokong semangat wakaf.

15. Tulisan Zaaba (1927) tentang syarikat kerjasama yang hilang roh kerjasamanya. Dalam bab koperasi pada zaman ini, macam tak banyak *sukses story* nya kerana roh kerjasama tidak wujud didalamnya.

16. Mengeluarkan infaq sebenarnya merupakan investment yang menguntungkan. Iman mengajar bahawa infaq tidak menyebabkan kita rugi malah Allah menggantikannya secara berganda, soalnya tak ramai yang yakin dengan keimanannya. Dalam bab infaq, Pak Natsir pernah mengungkapkan "ramai yang mendapat tetapi rasa kehilangan". Orang lebih merasa kehilangan daripada yang dapat kerana yang dapat itu tidak dirasakan secara langsung.

17. Kita tidak boleh berputus asas, apapun pengalaman lama ABIM kita perlu jayakan untuk menyuburkan insituti wakaf bagi menjayakan institusi pendidikan. Mengambil contoh KDH bermasalah untuk dapatkan dokong kewangan penuh. Dari sudut kualiti dan akademik kita mampu bersaing dah lebih baik daripada kebanyakan institusi pengajian tinggi. Persoalannya kita terlalu bergantung kepada yuran pelajar.

18. Institusi pendidikan Islam harus mempertahankan kualiti dengan biaya yang terjangkau. Menuntut ilmu itu suatu kewajipan keagamaan, justeru untuk mengenakan bayaran yang tinggi seolah-olah kita menyusahkan orang untuk melaksanakan kewajibannya. Kita juga merasa terganggu apabila gaji guru dibayar daripada yuran murid sehingga suatu waktu nanti murid boleh menuding jari bahawa gaji guru aku yang bayar! Yuran daripada pelajar boleh sahaja digunakan untuk kebajikan pelajar atau memperbaiki kemudahan belajar mereka. Carilah jalan bagaimana kita boleh membayar gaji guru dan staff dari sumber lain seperti wakaf.

19. Institusi pendidikh mesti juga menggambarkan keunggulan suasana dan fizikal agar *first infresive* boleh mengikat komitmen pelajar untuk belajar diinstitusi pendidikan kita. Rujuk hadis ke-2 dalam hadis Arbain. Ketika nabi didatangi oleh seorang yang berpakaian kemas, warna putih dengan rambut yang kilat bersisir dan tidak menggambarkan beliau melewati kawasan debu dan lusuh. Kemudian bertanya Nabi tentang Islam, Iman dan Ehsan. Selain soal kandungan tetapi yang utama juga adalah soal imej yang *infresive*. Mereka yang sedar dengan maruah mesti sensitif dengan kualiti institusi pendidikan kita baik kualiti kandungan mahupun fizikalnya.

20. Dihujung usia ini yang kita inginkan tidak lain hanya pengakiran hayat dengan keadaan yang bahagia. Bahagia kerana sudah berbuat sesuatu untuk pendidikan kita. Bak kata syaer " Ketika ibu melahirkan kamu, kamu seorang diri menangis sedangkan yang lain ketawa gembira menyambut kelahiran mu. Berusahalah agar ketika kamu mati nanti kamu seorang yang ketawa gembira sedang yang lain yang kamu tinggalkan menangi pemergian kamu.

Laporan : Hj. Khailani A. Jalil

KURSUS PEMBELAJARAN DAN PEMUDAHCARA (PdPc) SECARA MAYA

Bahagian Latihan & Modal Insan telah menganjurkan Kursus Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) Secara Maya di mana kelas bersemuka diadakan di Dewan Seminar YTP pada 9-10 Sept. 2020 dengan jayanya. Peserta seramai 45 orang dari wakil guru-guru ABIM seluruh Malaysia telah hadir. Para pensyarah dan fasilitator seramai tiga orang daripada IPGM Kampus Pendidikan Islam, Bangi iaitu Tn Hj. Haris b. Johari (Ketua Unit Teknologi Matlumat, Jabatan Ilmu Pendidikan), Dr. Azman b. Jais (Ketua Unit Digital Pembelajaran, Jabatan Kecemerlangan Akademik) dan En. Choo Peter Know Hing (Pensyarah di Jabatan Teknologi).



Peserta diberi input dan kemahiran tentang Membina sumber pembelajaran maya (Blendspace, Padlet, Kahoot dan Plickers), Pengajaran PdP Interaktif (Google Classroom, Zoom dan Google Meet) dan membina sumber pengajaran maya (membina video, menyunting dan menghasilkan video). Peserta berjaya menghasilkan bahan tugas dan mempersembahkan kepada pensyarah di mana empat kategori terbaik iaitu SERI/SEMI/TASKI/TAHFIZ telah mendapat kredit dan hadiah serta sijil. Semua peserta mendapat sijil penyertaan, ilmu dan kemahiran serta hasratnya untuk mevariasikan PdPc amalam bilik darjah secara teradun dengan lebih efektif tercapai.

Laporan : Hjh. Nur Jannah Keman

BENGKEL GUBAL DAN MURNI SOALAN SPRA



Bengkel gubal dan murni soalan SPRA format baru telah diadakan pada 4-7 Ogos 2020 di YTP. Seramai 30 orang panel dari SERI dan TAHFIZ ABIM telah hadir. Seramai 1600 calon pelajar Tahun 5 untuk tahun 2020 di mana peperiksaan percubaan dijadualkan pada 9-11 November 2020 dan peperiksaan bertulis akan diadakan pada 1-3 Disember 2020. Soalan SPRA untuk tahun 2020 ini dipermudahkan yang hanya menggunakan silibus Tahun 5 justeru pengajaran dan pembelajaran bersemuka tidak dapat dijalankan dengan baik kesan dari Covid 19. Bengkel Memurni Teks Ujian Lisan (Komunikasi) Bahasa Arab dan Tilawah/Hafazan Al-Quran juga telah diadakan pada 15 Sept. 2020 di YTP. Teks dan soalan Bahasa Arab juga telah diubahsuai hanya menggunakan silibus Tahun 5 sahaja. Mod kumulatif SPRA Format baru

adalah 10% sahaja untuk setiap setiap subjek peperiksaan bertulis iaitu Pendidikan Teras Islam (PTI), Tafsir, Hadis, Al-Quran dan Bahasa Arab, 30% untuk (Ujian Lisan Bahasa Arab dan Tilawah & Hafazan Al-Quran) manakala Projek Sirah 20%.

Laporan : Hjh. Nur Jannah Keman

PERTEMUAN YTP DENGAN YTP JOHOR

Pada 31 Ogos 2020, rombongan semua pengarah Yayasan Takmir Pendidikan yang diketuai oleh Tuan Hj Mohd Musleh Yunus telah mengadakan perbincangan khusus mengenai kelestarian sistem dan operasi masa hadapan pendidikan di Johor, yang melibatkan SERI, SEMI, TASKI dan Tahfiz. YTPN Johor dihadiri oleh Pengerusinya Dr. Roji Samidi, Dr. Norshela Faisal (Salwa Johor), Sdr Zainudin Zakaria (YDP ABIM Johor), Dr. M Fauzi Othman (Pemangku Tim Pengerusi Wadah Johor), Sdr Ir. M. Yusri M. Ripin dan seorang lagi wakil ABIM. Fokus perbincangan adalah ke atas isu perpindahan SERI dan SEMI atas arahan Majlis Agama Islam Johor untuk mengosongkan kawasan tanah wakaf pada hujung tahun 2020. YTPN dan pimpinan WAP sudah mendapat kata putus untuk



mengekal tanah milik ABIM di Sg Telur, Kota Tinggi bagi tujuan pembangunan pertanian, pada masa yang sama tidak mengambil tawaran MAIJ untuk memiliki tanah di Telok Mas Skudai kerana tidak ada keupayaan dengan tawaran harga yang relatif tinggi.

Terkini J/Kuasa bertindak perpindahan sekolah sudah mendapat persetujuan daripada YAB Menteri Besar untuk menukar status tapak Pekan Rabu (Kompleks perniagaan bazar yang sudah lama terbiar) kepada kompleks pendidikan ABIM. Proses pertukaran status sekiranya diluluskan dalam mesyuarat Kerajaan Negeri akan diikuti dengan kerja-kerja mengubah suai bangunan kompleks perniagaan bazar menjadi bilik-bilik darjah. Di jangka SERI dan SEMI akan berpindah ke tapak baharu pada penghujung Disember 2020 agar sesi persekolahan yang akan bermula 21 Januari dimulakan di bangunan sekolah baharu. Sinar “cahaya di hujung terowong” ini diharapkan akan memugar semangat baharu dan iltizam baharu kepada warga pendidik khususnya SERI dan SEMI ABIM Johor Bahru.

Turut dibincangkan pada pertemuan malam tersebut adalah isu operasi TASKI yang semakin mengecil jumlahnya; ketetapan sudah diambil untuk penubuhan TASKI ABIM yang baharu di kompleks pendidikan yang sedang dalam proses penatarannya. Begitu juga dengan TASKI di daerah lain terutama Kluang, Kota Tinggi, Segamat dan Pontian. Perjumpaan juga mengambil maklum tentang perjalanan dan operasi Tahfiz Sains Darul IImi di Segamat. Pada keesokannya (1 September 2020) Team YTP mengadakan lawatan pemantauan pelaksanaan SOP Covid-19 dan pertemuan dengan semua guru SERI dan SEMI JB untuk berkongsi impian dan harapan, di samping menganjak minda untuk meningkatkan daya juang bagi meraih kualiti pendidikan terbaik di tempat baharu, insyaAllah.

Laporan : Hj. Khailani A. Jalil

LATIHAN LITERASI & PENDEDAHAN KURIKULUM PERGERAKAN PUTERI ISLAM BAGI SEKOLAH-SEKOLAH SWASTA



Latihan literasi & pendedahan kurikulum Pergerakan Puteri Islam Malaysia bagi sekolah swasta ini telah dijalankan pada 21 hingga 23 Ogos 2020 di Kompleks Darul Puteri Cheras. Yayasan Takmir Pendidikan telah menghantar 16 orang guru dari 10 buah sekolah untuk hadir ke kursus yang dianjurkan oleh Pergerakan Puteri Islam Malaysia (PPIM). Kursus selama 3 hari 2 malam ini adalah bertujuan untuk melatih para guru memahami konten kurikulum dan tatakelola pengurusan pentadbiran PPIM. Kursus ini juga adalah dalam usaha bagi menubuhkan PPIM dan memantapkan lagi aktiviti kokurikulum di sekolah selain YTP.

Laporan : Che Abdul Fatah

PEMANTAUAN YTP BAGI OPERASI BUKA SEKOLAH DALAM TEMPOH PKP

Sekolah sudah mula dibuka semula secara berperingkat selepas ditutup panjang berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), kesan pandemik Covid-19. Bermula pada 24 Jun 2020 bagi pelajar Tingkatan 6 dan 5; 1 Julai 2020 bagi TASKI; 15 Julai 2020 bagi pelajar Tingkatan 1-3 dan Tahun 5 dan 6; dan 22 Julai bagi tahun 1-4. Sepanjang tempoh operasi buka sekolah, pihak pengurusan disediakan panduan berasaskan Standard Operating Prosedure (SOP) yang disediakan oleh pihak KPM dan KKM.



Pemantau di SERI Al-Ummah Manjung

Lawatan pemantauan telah dapat disempurnakan oleh team YTP bagi 3 tujuan utama, iatu meninjau kesediaan sekolah menerima kehadiran semula murid ke suasana pembelajaran ikut resam baru, memastikan pihak pengurusan melaksanakan amalan harian mengikut ketetapan SOP dan meninjau kemungkinan wujud isu berkaitan dengan suasana emosi melibatkan murid, guru dan ibu bapa.

Laporan yang diterima daripada hasil lawatan team YTP mendapati kesemua sekolah dan TASKI patuh kepada amalan SOP yang melibatkan penggunaan pelitup muka, pengambilan suhu badan, penjarakan sosial, pergerakan dalam kawasan pembelajaran, makan semasa rehat, amalan kurikulum dan penyerahan@pelepasan murid kepada ibu bapa.

TARIKH	TEMPAT	PEMANTAU YTP
15 Julai 2020	1. SERI Al-Huda Gombak 2. Maahad Tarbiyah ad-Diniah Behrang	1. Haji Mohd Musleh Yunus 2. Hj Muhamad Khailani Abdul Jalil
	1. SERI Sg. Ramal 2. SEMI Sg Ramal	1. Pn. Hjh. Nur Jannah Keman
	1. SERI Seremban 2. SEMI Seremban 3. PRA Bestari	1. Ust. Mohd Naim Mohd Noor
	1. SERI Seremban Nilai	1. Hj. Ishak Ali Shah 2. Mohamad Abu Daud
	1. SERI Al-Ummah Chemor 2. Madrasah al-Hikmah Chemor 3. Maahad al-Ummah Chemor	1. Hj. Samian Mohd Ali 2. Mohd Yusman Mohd Yusoff
21 Julai 2020	1. Darul Ummah Akademi Tahfiz, Sijangkang	1. Hj. Mohd Musleh Yunus 2. Hj. Khailani Abdul Jalil 3. Hj. Samian Mohd Ali
28 Julai 2020	1. SERI Indera Mahkota Kuantan 2. SERI al-Hakim Temerloh	1. Hj. Mohamad Abu Daud 2. Mohd Fitri Amir Shoodi
29 Julai 2020	1. SERI Alor Setar 2. Sekolah Menengah Sains TAHFIZ Alor Setar	1. Ust. Mohd Naim Mohd Noor
5 Ogos 2020	1. SERI Al-Ummah Manjung	1. Hj Samian Mohd Ali
15 Ogos 2020	1. SERI Al-Ummah Taiping	1. Hj. Mohd Musleh Yunus
1 Septembar 2020	1. SERI Johor Bahru 2. SEMI Johor Bahru	Hj. Mohd Musleh Yunus & Semua pengarah YTP Pusat.



Pemantauan di SERI Alor Setar dan Sekolah Menengah Sains TAHFIZ Alor Setar.



Laporan : Hj. Khailani A. Jalil

PERISTIWA



1. Pelancaran dan perasmian Bengkel RBT telah disempurnakan oleh Presiden Kelab Rotary Taiping Hjh. Noorul Intan Hj. Mohamed Ridzuwan di SERI Al-Ummah Taiping.
2. Puteri Sayyidah Nafisah pelajar tahun 5 Hamzah telah menjuarai pertandingan video pendek sempena bulan kebangsaan tahun 2020 di SERI Sg. Ramal Kajang.
3. Pegawai kanan YTP bersama LPS SERI/SEMI Johor dan guru sempena lawatan kerja pada 1 September 2020.
4. Persidangan kumpulan pakar Wakaf pada 25 Ogos 2020 di IDE Shah Alam.
5. Bengkel murni kurikulum sirah di Bilik Mesyuarat YTP pada 25 September 2020.
6. Ahmad Naufal dan Muhammad Huzaifah antara pelajar SERI Indera Mahkota Pahang yang telah menyertai tilawah Al-Quran dan hafazan Al-Quran peringkat daerah. Ahmad Naufal layak ke peringkat negeri. (Tilawah)



PERKONGSIAN PINTAR BERSAMA SAFER

Yayasan Takmir Pendidikan (YTP) yang diwakili oleh Hj. Mohd. Musleh Yunos (Ketua Pengarah YTP), Hj. Samian Mohd. Ali (Pengarah Pengurusan & Kewangan YTP), Hj. Mohd. Naim Mohd. Noor (Pengarah Kaderisasi & Tarbiah) dan juga Pn. Khairani Thanin (Timbalan Pengarah TASKI) berbesar hati kerana dijemput ke Syarikat Safer pada 28 Julai 2020 jam 10.00 pagi di Pandan Prima, Ampang yang dimiliki oleh Tn. Syed Fuad bin Syed Othman, CEO Safer yang sudi berkongsi idea dan pengalaman beliau dalam menjalankan perniagaan yang pelbagai dan berjaya. Perkongsian yang amat bermanfaat bagi YTP dalam hal-hal berkaitan pengurusan sekolah dan memperluaskan institusi di bawah seliaan YTP.



Laporan : Khairani Thanin

MULTAQGA GURU TASKI PERAK



15 Ogos 2020 (Sabtu) adalah tarikh yang dipilih oleh barisan pimpinan Yayasan Takmir Pendidikan Negeri (YTPN) Perak untuk mengadakan majlis Multaqa TASKI Perak yang julung-julung kali diadakan untuk meraikan jasa dan bakti guru-guru TASKI di seluruh negeri Perak yang telah berkhidmat setia dengan TASKI sejak penubuhan awal TASKI. Majlis gilang gemilang diadakan di Hotel SSL Taiping. Anugerah dikategorikan mengikut tahun perkhidmatan guru-guru untuk tempoh 10, 15, 20 dan 30 tahun berkhidmat. Kehadiran seramai lebih kurang 109 orang yang terdiri daripada tetamu jemputan, AJK Pelaksana, penyelia dan guru-guru dari 12 buah daerah seluruh Perak.

Majlis diserikan dengan pengisian sesi 1 oleh Tuan Haji Musleh bin Mohd Yunos (Ketua Pengarah YTP Pusat) dengan tajuk “Memposisi TASKI sebagai sekolah ummatik tanggungjawab bersama” dan sesi 2 oleh Tuan Radin Muhd Imaduddin bin Radin Abdul Halim (Naib Presiden ABIM merangkap Pengerusi Lembaga Pengarah YTP Pusat) yang membentangkan “Guru Taski sebagai frontliner ABIM: Cabaran dan Harapan”. Majlis perasmian penutup dirasmikan oleh Tuan Haji Mohd Nasir bin Kamarudin Pengerusi WADAH Negeri Perak. Majlis berlangsung pada jam 8.00 pagi dan berakhir pada jam 1.00 tengah hari.

Laporan : Khairani Thanin

SAMBUTAN HARI MERDEKA DAN HARI MALAYSIA DI TASKI KHALIFAH BESTARI PUCHONG



Pada 28 Ogos 2020 (Jumaat), Pn. Khairani binti Thanin (Timbalan Pengarah TASKI) bersama Pn. Syahirah binti Zamasry (Pegawai Eksekutif TASKI) telah dijemput sebagai juri Pertandingan Pakaian Beragam Merdeka TASKI 2020 di TASKI Khalifah Bestari, Puchong Utama bermula jam 9.00 pagi sehingga 12.30 tengah hari. 10 orang pemenang dipilih daripada lebih 40 orang peserta. Kreativiti pakaian yang dipakai dan cara memperagakan adalah diambil kira dalam pemarkahan. Majlis diakhiri dengan penyampaian hadiah dan makan tengahari.

Laporan : Khairani Thanin

BENCANA RIBUT TASKI AS-SOLIHIN, CHERAS & TASKI IBNU SINA, DESA PINGGIRAN PUTRA, SEPANG

Dukacita mendengar perkhabaran Sri dan TASKI Al Muttaqin Cheras dilanda musibah ribut pada 2 September 2020 (Rabu). Kejadian yang berlaku sekitar jam 6.00 petang merosakkan sebahagian bangunan kelas dan pejabat. Alhamdulillah difahamkan ketika itu operasi persekolahan telah berakhir dan tiada murid ketika itu.



Ribut juga turut melanda TASKI Ibnu Sina pada 22 September 2020 yang mengakibatkan kerosakan yang agak teruk di bahagian bumbung bangunan. Kejadian berlaku kira-kira jam 4.00 petang dan Alhamdulillah semasa kejadian guru TASKI tersebut sempat memindahkan anak-anak TASKI ke bahagian sebelah bangunan dan tiada sebarang kecederaan berlaku.

Semua pengarah YTP Pusat dan wakil YTPN Selangor turut menziarahi kedua-dua TASKI tersebut dan sumbangan telah diberikan kepada penyelia TASKI masing-masing. Derma kilat juga dijalankan oleh pelbagai pihak terutamanya YTP Pusat dan YTPN Selangor untuk meringankan beban kos membaikpulih kerosakan kedua-dua buah TASKI.

Laporan : Khairani Thanin

TAKLIMAT PENDAFTARAN DAN PELESENAN INSTITUSI PENDIDIKAN ABIM SELANGOR



Program Taklimat Pendaftaran dan Pelesenan Institusi Pendidikan ABIM Selangor telah diadakan pada 24 September 2020 (Khamis) di Anjung Rahmat, Sg. Merab Luar. Program ini salah satu inisiatif Yayasan Takmir Pendidikan Negeri (YTPN) Selangor untuk memastikan semua institusi pendidikan ABIM di Selangor menjadi institusi yang berdaftar. Pihak Berkuasa Tempatan seperti Majlis Perbandaran Kajang (MPKj), Pejabat Kesihatan Hulu Langat dan Jabatan Agama Islam Selangor dijemput untuk menyampaikan taklimat berkaitan pendaftaran dan pelesenan institusi pendidikan swasta di Selangor. Alhamdulillah program ini banyak menjelaskan dan membantu institusi pendidikan ABIM Selangor untuk lebih

faham mengenai prosedur yang perlu diikuti untuk menjadi institusi yang berdaftar. Yayasan Takmir Pusat yang diwakili oleh Hj. Ishak Alishah (Pengarah TASKI) dijemput untuk memberi kata aluan dan berkongsi pengalaman dalam bidang prasekolah dan jamaah. Pn. Khairani bt Thanin (Timbalan Pengarah TASKI) juga turut dijemput untuk memberi taklimat tentang Keusahawanan TASKI. Program berlangsung dari jam 8.00 pagi dan berakhir jam 4.30 petang.



Laporan : Khairani Thanin

PERANAN INSTITUSI PONDOK DALAM MEMULIHKAN PENAGIH DADAH

Pada September 2019 penulis bersama Hj. Abd. Rahman (Ketua Pengarah YTP) dan beberapa ahli rombongan seramai 25 orang telah berpeluang ke Pondok Anharul Ulum yang terletak di Pulau Klong Kham, Krabi, Thailand yang mendapat pengiktirafan kerajaan Thailand apabila dinobatkan sebagai organisasi pencegahan dan pemulihan dadah terbaik. Pondok ini asalnya adalah sebuah madrasah yang mengajar agama secara tradisional. Ditubuhkan pada awal tahun 2003, bermula daripada sebuah bangunan kecil sahaja. Awalnya diketuai oleh Haji Abdul Kassim bin Abdul Kader, iaitu Lembaga Pengelola Madrasah yang bertanggungjawab mencari dana bagi membiayai madrasah ini. Siap sepenuhnya pada awal 2013, dibina di atas tanah wakaf orang ramai. Terdapat beberapa buah blok yang dibina antaranya asrama, surau, kediaman mudir, dewan makan dan ruang memasak.

Semuanya bermula apabila ada seorang ibu menghantar anaknya yang bermasalah ketagihan dadah. "Pada mulanya saya menolak, tetapi ada perkataan yang membuatkan saya berfikir semula apabila ibu itu mengatakan, seandainya anak saya mati di rumah pasti dia masuk neraka tetapi kalau mati di pondok, Insha Allah dia akan masuk syurga. Akhirnya saya terima juga anaknya menjadi pelajar pondok." Cerita Baba Abd. Razak sebagai mudir dan guru pondok.

Menurut Baba Abd. Razak, memang tidak dinafikan tugas ini sangat mencabar. Dengan bantuan pelajar pondok memujuk dan memberikan

kata-kata semangat, akhirnya anak yang bermasalah tersebut mahu belajar. Selepas sebulan ibu pelajar kembali ke pondok untuk melihat perkembangan, anaknya mengatakan dia sudah selesa dan mahu terus belajar disitu. Maka bermulalah cerita dari mulut ke mulut mengenai kejayaan Baba Abd. Razak memulihkan anaknya yang ketagihan dadah.



Apabila pondok sudah mula ramai dengan pelajar-pelajar yang bermasalah dadah, ibubapa pelajar-pelajar lama sudah mula rasa bimbang kerana takut anak-anak mereka dipengaruhi oleh pelajar-pelajar yang bermasalah dadah. Akhirnya Baba membuat keputusan hanya menerima pelajar yang bermasalah dadah sahaja dan memberi pilihan kepada pelajar lama sama ada untuk teruskan belajar disitu atau berhenti. Kebanyakan mereka mengambil keputusan untuk berhenti dan belajar di pondok lain.

Sehingga kini Pondok Anharul Ulum mempunyai pelajar seramai 1600 orang, terdiri daripada umur 11 hingga 75 tahun. Menurut pengamatan Baba Abd. Razak, pelajar berumur 30 tahun ke atas mampu berubah cepat berbanding pelajar muda, mungkin atas faktor kesedaran dan kematangan mereka.



"Masyarakat sering melihat sejarah silam mereka, kerana 100 orang baik dengan 100 orang yang bermasalah dadah belum tentu sama kualiti dalamannya. Jangan lupa bahawa kerohanian mereka masih wujud. Bila tiada lagi isu dadah, mereka boleh menjadi insan yang lebih baik." cerita Baba Abd. Razak

Pelajar-pelajar pondok terdiri daripada peringkat golongan bawahan sehingga ke profesional.

Sidang Redaksi

Penasihat

Hj. Mohd Musleh Yunos

Ketua Editor

Hj. Samian Mohd Ali

Timb. Editor

Hj. Mohamad Khailani Jalil

Editor Kerja

Hjh. Nur Jannah Keman

Suhaili Husin

Khairani Thanin

Mohd Fitri Amir Shoodi

Che Abd Fatah Che M. Nor

Syahirah Zamasry

Susunatur Grafik

Khairul Anuar M. Ariffin

Penerbit

Yayasan Takmir Pendidikan

No. 21 Jalan 7/1B, Seksyen 7,

43650 Bandar Baru Bangi

Emel:

yayasantakmir@gmail.com

Tel: 03-89265853 / 03-89202308

Fax: 03-89201788



Ada jurutera, pegawai kerajaan, arkitek, juruelektrik dan anggota keselamatan malah pembangunan pondok adalah sumbangan kepakaran dari pelajar-pelajar pondok sendiri tanpa mengambil upah dari tenaga luar. Jika isu dadah dihilangkan, mereka tidak kurang hebatnya berbanding dengan masyarakat luar.

Baba Abd. Razak sangat menitik beratkan amalan kerohanian. Pembelajaran kitab di pondok menitik beratkan juga adab-adab yang tinggi di kalangan mereka. Pendekatan pemulihan yang dibawakan oleh Baba Abd. Razak banyak tertumpu kepada aspek pemulihan kerohanian, dalam masa yang sama aspek jasmaniah tidak dilupakan. Penghayatan agama berfungsi mencorak kerohanian dan jiwa manusia sehari-hari. Dalam hal ini imam al-Ghazali telah menggariskan usaha menyemai kerohanian sebagai adab yang bermanfaat sebagaimana katanya:

“Dan adab yang paling bermanfaat ialah menekuni dan memahami agama, zuhud di dunia dan makrifat (mengenal) Allah SWT.”

Di dalam kitab Ta’lim al-Mutaalim ada menyebutkan:

“Adab itu ibarat bahan makanan (perlu banyak), dan ilmu itu ibarat garam (memadai sedikit untuk menyedapkan bahan makanan tadi).”

Justeru, pembaikan diri Muslim adalah dengan terus melaksanakan ibadah yang pasti dapat membantu kelangsungan hidup rohani seseorang. Menurut Kamus Dewan Edisi Ketiga (2000), kerohanian berasal daripada perkataan rohani atau roh iaitu bahagian dalaman manusia yang mempunyai daya berfikir (berperasaan dan berkemahuan) atau jiwa (nyawa yang ada dalam tubuh manusia). Kerohanian bermakna perihal rohani, sifat-sifat rohani dan nilai-nilai hidup.

Aspek kerohanian atau spiritual juga adalah antara aspek yang penting dalam melahirkan nilai-nilai positif dan sifat-sifat terpuji. Aspek kerohanian juga mempunyai hubungan yang rapat dengan sifat bermujahadah untuk melahirkan akhlak yang baik. Ini kerana, akhlak yang lurus pula merupakan manifestasi dari jiwa rohani yang sihat. Menurut imam al-Ghazali, akhlak dan budi pekerti yang zahir adalah daripada keadaan dalam jiwa (*ruhiyyah*). Justeru, memperbaikinya adalah dengan merawat jiwa dan hati.

“Di sini ada juga pelajar beragama Buddha, pada mulanya kami menolak kerana pendekatan di pondok adalah pengajian kitab agama dan tidak menjamin mereka akan pulih, tetapi atas desakan mereka tidak kisah. Saya berpesan kepada pelajar-pelajar muslim lain supaya jangan mengajak mereka untuk menganut Islam kerana bimbang akan menjadi isu pula. Seandainya mereka mahu, biarlah dari kemahuan sendiri, Mereka hanya mengikuti pengajian kitab, tetapi aktiviti ibadah kami kecualikan. Alhamdulillah daripada 10 orang pelajar Buddha, dua daripadanya sudah memeluk Islam.”

“Dulu saya bukanlah mahu fokus hal dadah, tetapi apabila ramai ibu bapa merayu supaya menerima anak mereka, saya tidak sampai hati mengecewakan harapan mereka dan saya juga tidak sanggup melihat anak bangsa seagama ramai yang rosak kerana dadah.” kata Baba Abd. Razak.

Khairul Anuar Mohd Ariffin

Mengenali Sekolah

SEKOLAH MENENGAH ISLAM AD DINIAH

Tuan Guru Haji Mohd Zain Bin Haji Abdul Rahman telah mengasaskan Penubuhan Madrasah Ad Diniah Al Islamiah Sungai Bakap. Haji Mohd Zain Bin Haji Abdul Rahman adalah anak kelahiran Kampung Paya Semambu Relau, Kedah. Ayahnya Haji Abdul Rahman Iteng seorang imam yang disegani di kampung Relau. Ketika kecil beliau belajar Al Quran dan asas ilmu agama dari ayahnya sendiri. Atas sifat tegas ayahnya yang lebih dikenali sebagai Cai Abdul Rahman, beliau dapat mengkhataam Al Quran dan memahami selok belok Ilmu Islam dalam masa yang singkat. Beliau kemudiannya dihantar mendalami agama di Pondok Kampung



Pulau Pisang Jitra, Kedah. Sempat berguru dengan beberapa orang ulamak di sana hingga alim. (guru- gurunya tidak diketahui namanya). Sekitar tahun dua puluhan beliau berhijrah ke Kampung Batu 9, Paya Rumput Daerah Alor Gajah Melaka. Di sana beliau membantu mengajar dengan Tuan Guru Haji Abdul Wahid yang telah menjadi mertua kepada (Yahya) salah seorang adik lelakinya. Berkat pertolongan dan kemurahan hati sebuah keluarga hartawan dari Kampung 300 Kaki Relau, iaitu Puan Hajjah Rabeah binti Penghulu Abdul Hamid dan suaminya Tuan Haji Othman (Hj. Tan) serta Hajjah Aminah Binti Penghulu Abdul Hamid dan suaminya Haji Saad Bin Abdul, mereka telah mewakafkan sebidang tanah berhampiran Stesen Kereta Api Sungai Bakap untuk dijadikan surau dan perkampungan pondok Madrasah Ad Diniah Az Zainiah (nama asal ketika itu).

Mendengar berita bahawa Haji Mohd Zain akan pulang dari Melaka untuk membuka pondok baru, mendorong seorang lagi hartawan Sungai Bakap, iaitu Datuk Mohd Noh mewakafkan rumah besar beliau untuk dijadikan rumah tuan guru. Orang ramai pun mula bergotong royong memindahkan rumah tersebut ke tapak Madrasah Ad Diniah. Tuan Haji Mohd Zain pulang mengasaskan pondok Ad Diniah pada tahun 1932, ketika itu beliau telah berkahwin dan mempunyai tiga orang anak. Ramailah murid- muridnya yang terdiri dari anak- anak Melaka, Negeri Sembilan, dan Pahang turut berhijrah ke Sungai Bakap. Surau madrasah asal berbentuk dua tingkat, mula dibina secara gotong royong juga pada 26 Jun 1933 bersamaan 26 safar 1352 dan siap dibina pada bulan Oktober 1936. Pada peringkat awalnya, Madrasah Ad Diniah merupakan sebuah pusat pengajian agama sistem pondok sahaja. Selain dari pengajian agama, murid-muridnya digalakkan membuat kerja- kerja amal atau mengambil upah kerja bagi menampung sara hidup mereka, seperti menyangkul, membersihkan kebun atau kerja sawah. Mereka juga memiliki sebuah koperasi pondok secara kedai runcit.

Tuan Guru Haji Mohd Zain meninggal dunia pada malam Ahad 2 Safar 1362 bersamaan 7 Februari 1943. Pondok Ad Diniah terus dipimpin menantu sulungnya Tuan Guru Haji Shafie Bin Haji Harun yang baru pulang dari menuntut di Darul Ulum Makkah Al Mukarramah. Pada tahun 1947 sekolah ini telah bergabung dengan Sekolah arab yang dipimpin oleh Al Marhum Tuan Sheikh Hassan Al 'Adawi. Sistem pengajiannya ditambah baik kepada sistem kelas iaitu peringkat Ibtidal hingga Thanawi dengan menitik beratkan mata pelajaran Bahasa Arab. Pada tahun 1959 madrasah ini telah dipecahkan kepada dua sistem pengajian iaitu mengasingkan sistem pondok dan Thanawi kepada Madrasah Al Irshad Al Ashraf Al Wataniah yang dipimpin oleh Al Marhum Tuan Guru Haji Yusuf Bin Haji Saad. Manakala peringkat Ibtidal dikekalkan kepada Madrasah ad Diniah Al Islamiah serta berpindah ke tapak yang ada sekarang kerana tapak lama kerap berlaku banjir besar ketika itu. Tuan Guru Haji Shafie Bin Haji Harun telah meninggal dunia pada 5 Oktober tahun 1972 ketika berusia 67 tahun. Mulai tarikh tersebut, pihak Lembaga Tadbir sekolah telah bersetuju mengamankan pimpinan madrasah ini kepada menantu sulungnya Puan Hajjah Jau zaharah Binti Haji Shaari, kerana anak-anaknya sendiri ketika itu ada yang sedang berkhidmat dengan kerajaan dan ada juga yang masih menuntut di luar negara.

Pada tahun 2002 Sekolah Menengah Islam (SEMI) Ad Diniah ditubuhkan. Sekolah ini mula beroperasi di deretan rumah kedai di Taman Seruling Emas, Sungai Bakap. Pada tahun 2008 SEMI Ad Diniah mengorak langkah berpindah ke bangunan baru yang siap dibina di lot 554, mukim 5, Jalan Sungai Rambai, Sungai Duri Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang. Bangunan sekolah ini terdiri daripada pejabat pentadbiran, perpustakaan, bilik guru, bilik kelas, surau dan kantin. Seramai 8 orang guru yang melibatkan guru agama dan guru akademik. Manakala bilangan staf sekolah berjumlah 2 orang dan jumlah pelajar keseluruhan 42 orang pada masa itu.

Laporan : Suhaili Hussin